Ketidakadilan subsidi pendidikan nafi hak, kebajikan pelajar miskin, rentan

Oktober 2, 2024 @ 7:49am

Minda Pengarang

Subsidi pendidikan adalah langkah penting kerajaan menyediakan akses dan peluang adil kepada semua pelajar tanpa mengira latar belakang ekonomi untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Subsidi pendidikan bermatlamat mengurangkan beban kos pendidikan, terutama golongan miskin dan kurang berkemampuan sama ada di sekolah atau institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Bagaimanapun, pemberian subsidi pendidikan terutama di IPTA diamalkan selama ini dilihat tidak memberi keadilan sewajarnya apabila anak golongan kaya turut menikmatinya.

Atas faktor ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi bayangan kerajaan mungkin menghentikan subsidi membiayai pendidikan anak golongan kaya di sekolah awam dan IPTA dengan menyifatkan tindakan membiarkan ketirisan subsidi besar seperti itu berterusan sebagai tindakan tidak adil.



Foto hiasan. - Foto fail NSTP

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan menegaskan, dana berkenaan sepatutnya boleh diagih kepada golongan miskin, manakala golongan kaya

menampung sendiri kos pendidikan anak mereka sebagai bersikap adil mengagihkan bantuan kepada kumpulan memerlukan, terutama golongan rentan.

Sebagai contoh, yuran bagi program Sarjana Muda Kejuruteraan Perisian dengan Kepujian di IPTA perlu ditanggung pelajar atau keluarganya adalah RM1,880 setahun atau RM7,520 selama empat tahun pengajian. Bagaimanapun, kos ditanggung kerajaan bagi program ini adalah RM20,158 setahun atau RM80,632 sepanjang empat tahun. Ironinya, yuran ditanggung pelajar selepas subsidi kerajaan ini sama bagi semua kumpulan keluarga tanpa mengira kategori sama ada T20, M40 atau B40 apatah lagi miskin.

Di sinilah ketidakadilan subsidi pendidikan berlaku dan Perdana Menteri melihat ia perlu dihentikan. Jika subsidi untuk golongan kaya ini dihentikan, jumlah RM80,632 ditanggung kerajaan itu boleh menampung pengajian untuk 10 pelajar miskin atau golongan rentan, sekali gus memenuhi prinsip keadilan wajar.

Ia juga akan memberi peluang kepada mereka menamatkan pengajian tanpa terbeban dengan hutang besar, membolehkan graduan keluar daripada kitaran kemiskinan, membina kerjaya lebih baik dan paling penting menyumbang kepada pembangunan negara.

Cadangan kerajaan menghentikan subsidi pendidikan kepada anak golongan kaya ini mungkin mendapat tentangan, kritikan dan bantahan namun golongan ini perlu rasional bahawa keutamaan kerajaan dalam hal ini adalah membantu golongan rentan.

Tambahan pula, sebesar mana pula kantung pendapatan golongan kaya ini akan terjejas seandainya cadangan itu dilaksanakan jika dibandingkan dengan jumlah ketirisan ditanggung kerajaan. Dapat dilihat di sini pemberian subsidi secara pukal agak menyimpang daripada prinsip keadilan atau bersifat rahmah.

Justeru, sudah sampai masa kerajaan merangka satu mekanisme subsidi pendidikan baharu khususnya subsidi pengajian di IPTA yang lebih adil, berimbang dan berkebajikan serta memenuhi prinsip Malaysia MADANI.